

06 OCT 1996

Pas-Penyatuan (Fokus Berita)

LALUAN KE ARAH PENYATUAN MELAYU KELANTAN PENUH RANJAU

Oleh: Ali Mamat

KOTA BAHARU, 6 Okt (Bernama) -- Laluan ke arah penyatuan Melayu dan Islam di bawah sebuah payung Umno di negara ini, khususnya di Kelantan, nampaknya tidak semudah yang diharap-harapkan oleh kepimpinan negara.

Ini ialah kerana ketika astaka tempat berlangsungnya Perhimpunan Penyatuan Melayu anjuran bersama Umno dan Parti Melayu Semangat 46 (S46) di padang Sekolah Kebangsaan Padang Garong, di sini Khamis lepas masih belum dirombak, Pas telah menunjukkan penolakan mentah-mentah terhadap undangan penyatuan itu.

Penolakan itu dimanifestasikan menerusi sebuah perhimpunan raksasa yang dinamakan Perhimpunan Amanat Tok Guru di Stadium Sultan Muhammad Keempat di sini malam tadi.

Yang lebih memeranjatkan para pemerhati, sambutan rakyat Kelantan terhadap perhimpunan yang boleh dianggap sebagai tindak-balas kepada Perhimpunan Penyatuan Melayu itu adalah begitu luar biasa sekali.

Sama ada sambutan itu mencerminkan sokongan sebenar rakyat Kelantan kepada kerajaan negeri yang diterajui Pas atau sebaliknya, yang pasti setiap inci ruang di dalam stadium yang biasanya boleh menampung 40,000 orang dipenuhi lautan manusia dan puluhan ribu lagi hanya berpeluang mengikuti majlis itu daripada luar stadium.

Menurut pemerhati, kalau kehadiran itu boleh dijadikan kayu ukuran, ternyata penyokong-penyokong Pas masih taksud dengan kafillah dan perjuangannya sehingga sanggup menutup telinga dan pintu hati kepada rayuan ikhlas Perdana Menteri Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad agar pemimpin dan penyokong parti itu menyertai sebuah harakah perjuangan Melayu dan Islam yang lebih besar iaitu Umno.

Keikhlasan Dr Mahathir dapat digambarkan daripada ucapannya pada Perhimpunan Penyatuan Melayu itu apabila beliau dengan rendah diri berkata; "Alangkah bahagia dan rahmatnya jika pemimpin dan penyokong Pas dapat bersama-sama kita pada majlis ini demi penyatuan umat Islam yang lebih menyeluruh."

Malangnya, keangkuhan Pas ternyata masih mengatasi sikap rasional apabila presidennya Haji Fadzil Noor secara sinis membuat pelawaan balas dalam perhimpunan malam tadi dengan mengajak orang Umno menyertai perjuangan Pas.

Kata pemerhati, walau apapun kaedah perkiraan yang digunakan, amatlah tidak rasional pelawaan seumpama itu kerana belum ada terjadi dalam sejarah tamadun manusia kumpulan yang besar terpaksa dibubarkan bagi menyertai kumpulan yang jauh lebih kecil, lebih-lebih lagi dalam keadaan Umno sendiri telah diiktiraf sebagai parti Islam terbesar di dunia.

Rata-rata pemerhati di sini yakin sokongan yang ditunjukkan oleh penyokong Pas malam tadi berbentuk sementara dan lambat laun pintu hati rakyat Kelantan akan terbuka jua untuk menerima realiti bahawa ketaksuduan yang ditunjukkan itu belum tentu menjanjikan kesempurnaan hidup di dunia dan kebahagiaan di akhirat.

Menurut mereka, ini ialah kerana sokongan itu sekadar dipengaruhi dua faktor iaitu simpati terhadap Menteri Besar Kelantan yang juga Mursyid Am Pas Datuk Haji Nik Abdul Aziz Nik Mat dan kemarahan mereka terhadap apa yang disifatkan sebagai pengkhianatan oleh Presiden S46 Tengku Razaleigh Hamzah.

Pas dan S46 bekerjasama dan berkongsi kuasa di Kelantan menerusi gabungan Angkatan Perpaduan Ummah yang turut dianggotai Berjasa dan Hamim

sejak pilihan raya umum 1990.

Bagaimanapun, Tengku Razaleigh telah memilih jalan untuk membubarkan S46 dan membawa pengikutnya menyertai Umno demi kepentingan perpaduan Melayu. Perhimpunan Khamis lepas dianggap titik permulaan ke arah itu.

Penyokong-penyokong Pas bersimpati dengan Nik Abdul Aziz kerana kononnya usaha tokoh yang dipanggil Tok Guru itu untuk mentadbir Kelantan dengan sempurna menurut kaedah dan dasar parti itu mendapat tekanan daripada pelbagai penjurong termasuk Umno, S46 sendiri dan Istana Kelantan.

Kata pemerhati, dalam sebuah masyarakat Islam yang konservatif sebarang usaha yang boleh ditafsir sebagai mengusik institusi "Tok Guru" sudah tentu tidak disenangi walaupun kemampuannya dalam soal siasah dan pentadbiran negeri pada zaman yang serba maju ini disangsikan oleh sesetengah pihak.

Mengenai Tengku Razaleigh, masa yang agak lama diperlukan bagi menyedarkan Pas dan sesetengah pengikut S46 sendiri terhadap rasional di sebalik pilihan terbaru yang diambilnya.

Pas kononnya memarahi Tengku Razaleigh kerana bekas Menteri Kewangan itulah dahulu yang beria-ia benar memohon untuk bekerjasama dengannya sehingga sanggup mengaku untuk menerima ad-din sebagai asas perjuangan.

Rasa tidak senang sekumpulan penyokong S46 terhadap Tengku Razaleigh banyak didorong oleh suasana persekitaran kampung atau tempat tinggal mereka kerana "secara tiba-tiba mereka diajak berbaik-sangka dan bermaaf-maafan dengan jiran-jiran sekampung daripada kalangan anggota Umno setelah kira-kira lapan tahun bermusuhan".

Berasaskan senario itu, pemerhati yakin Umno amnya dan Tengku Razaleigh sendiri khususnya, perlu bekerja lebih kuat daripada biasa untuk menawan hati penyokong S46 yang tercicir, menanam keyakinan rakyat Kelantan terhadap kesungguhannya untuk membela nasib mereka serta meleburkan sikap taksub pengikut-pengikut Pas itu.

Sehingga itu, kata mereka, laluan bagi Umno di negeri ini masih dirintangi ranjau dan duri dan mengambil kira keadaan-keadaan yang ada, Umno Kelantan masih boleh dianggap sebagai "under-dog" yang memerlukan masa secukupnya sebelum boleh merancang untuk menewaskan Pas menerusi proses demokrasi. -- BERNAMA

AM AKD